



1,364 pelajar terima wang pendahuluan PTPTN masuk ke IPT

Seramai 1364 pelajar dari daerah Kuantan, Pekan, Rompin dan Muadzam Shah menerima sumbangan wang pendahuluan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bernilai RM 1500 setiap seorang bagi menampung perbelanjaan kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh negara bagi sesi Mei/ Jun 2012.

Majlis penyerahan waran Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) dirasmikan oleh Ahli Parlimen Maran, Dato' Haji Ismail Hj Abd. Mutalib yang menyampaikan sumbangan dengan jumlah keseluruhan bernilai RM 2,046,000 di Kompleks Sukan UMP pada 20 Mei 2012 yang lalu.

Turut Hadir Ahli Parlimen Paya Besar, Dato' Abdul Manan Ismail dan ADUN Inderapura, Dato' Haji Shafik Fauzan Sharif.

Menurut Dato' Ismail Abd Mutalib, bantuan ini merupakan salah satu usaha kerajaan untuk merealisasikan pembangunan modal insan dan pembelajaran sepanjang hayat seterusnya membantu golongan yang kurang berkemampuan.

"WPP ini diberikan kepada pelajar-pelajar

warganegara Malaysia yang menyatakan persetujuan menerima WPP semasa mengisi borang permohonan *online* kemasukan ke IPT melalui bahagian pengurusan kemasukan pelajar," katanya semasa merasmikan program Serahan Wang Pendahuluan Pelajar anjuran PTPTN dan UMP.

Pengerusi PTPTN, Dato' Haji Ismail Haji Mohamed Said, berkata waran WPP yang diberi ini mempunyai tempoh sah laku selama sebulan daripada tarikh yang dicatatkan pada waran.

"Pelajar-pelajar boleh menunaikan waran ini di mana-mana cawangan bank CIMB dan penunaian WPP hanya boleh dilakukan di kaunter bank dan tidak boleh dimasukkan melalui mesin deposit cek," katanya.

Menurutnya, bagi pelajar yang diluluskan pembiayaan pendidikan oleh PTPTN, WPP yang ditunaikan ini akan ditolak sebanyak RM500 setiap semester semasa pengeluaran pembiayaan dibuat. Manakala, pelajar yang tidak memohon pinjaman pendidikan PTPTN hendaklah membuat penyelesaian penuh secara sekali gus seperti yang ditetapkan.

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar

& Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainudin dalam ucapannya mengharapkan pelajar yang bakal ditempatkan di IPT nanti dapat mengambil manfaat ini dengan berusaha mencapai kejayaan dalam pengajian masing-masing.

Selain itu, pelajar juga dinasihatkan agar berjimat cermat dalam menggunakan duit untuk tujuan yang betul kerana ianya sebahagian daripada pembiayaan pendidikan yang diluluskan Kerajaan.

Seorang pelajar yang hadir menerima WPP, Mohammad Hariz Mohammad Rajimi, 18, dari Pekan, merasa amat gembira dengan waran yang diterimanya.

Beliau yang sedang membuat persediaan sebelum mendaftar ke UITM Arau pada bulan hadapan melahirkan rasa bersyukur dengan bantuan yang dapat meringkankan beban keluarganya.

